



EKONOMI

## PHB umum tambahan 500 juta unit dana AHB

2012/10/25 - 07:38:41 AM Mahanum Abdul Aziz | mahanum@bharian.com.my

Emel Kaw an Cetak



“  
 Penambahan saiz dana,  
 peningkatan kadar  
 pelaburan maksimum  
 dan membuka pelaburan  
 menggunakan simpanan  
 KWSP ini adalah usaha  
 berterusan PHB dalam  
 meningkatkan  
 pemilikan Bumiputera  
 dalam aset hartanah  
 komersial perdana  
 di negara ini”

**Kamalul Arifin Othman,**  
 Pengarah Urusan dan Ketua  
 Eksekutif PHB

### Had pelaburan dinaikkan kepada RM400,000, boleh guna caruman KWSP

Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) mengumumkan tambahan 500 juta unit dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) bagi memberi peluang lebih ramai Bumiputera menyertai pelaburan dalam hartanah komersial di lokasi perdana.

Langganan bagi unit tambahan AHB yang ditawarkan pada harga RM1 seunit itu dibuka semalam. Ia menjadikan jumlah keseluruhan saiz dana AHB kepada 1.5 bilion unit. Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif PHB, Datuk Kamalul Arifin

Othman, berkata berkuat kuasa semalam juga, had pelaburan maksimum dalam AHB dinaikkan kepada RM400,000 daripada RM200,000 bertujuan memberikan peluang kepada pelabur menambah pelaburan serta pulangan daripada dana itu.

### Peluang pelaburan

Beliau berkata, PHB juga menawarkan peluang pelaburan kepada Bumiputera yang berminat melabur dalam dana itu menerusi pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di cawangan Maybank di seluruh negara.

“Penambahan saiz dana, peningkatan kadar pelaburan maksimum dan membuka pelaburan menggunakan simpanan KWSP ini adalah usaha berterusan PHB dalam meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam aset hartanah komersial perdana di negara ini,” katanya pada sidang media selepas mengumumkan pengagihan pendapatan dana AHB yang kedua bagi 2012 di Kuala Lumpur semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif Maybank Asset Management Sdn Bhd (Maybank AM), Nor' Azamin Salleh.

PHB dan Maybank AM, iaitu pengurus AHB mengumumkan pengagihan pendapatan kedua bagi

2012 sebanyak 3.25 sen seunit kepada pelabur dana itu membabitkan pembayaran keseluruhan berjumlah RM31 juta. Ia akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pelabur hari ini.

### **Agihan pertama**

Pada April lalu, PHB dan Maybank AM mengumumkan pengagihan pendapatan pertama juga sebanyak 3.25 sen seunit, menjadikan jumlah pulangan yang diagihkan kepada pemegang unitnya untuk tahun kewangan berakhir 30 September 2012 sebanyak 6.50 sen seunit. Pengagihan pendapatan itu dikecualikan cukai dan sudah dizakatkan.

Nor' Azamin berkata, pengagihan pendapatan dana terkini itu adalah keempat sejak ia dilancarkan pada November 2010.

“Sejak dilancarkan, AHB telah mengekalkan kadar pulangan tahunan sebanyak 6.50 peratus. Ini menunjukkan bahawa AHB berjaya mengekalkan prestasinya dan objektifnya untuk memberikan pelabur pulangan pendapatan yang tetap dan konsisten,” katanya.

Tegasnya, beliau yakin AHB mampu mengekalkan kadar pengagihan pendapatan berdaya saing pada tahun mendatang berdasarkan kekukuhan permintaan untuk ruang pejabat di Lembah Klang.

AHB adalah dana unit amanah berasaskan hartanah patuh Syariah pertama di Malaysia. Dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, ia bertujuan meningkatkan pemilikan Bumiputera dalam aset hartanah perdana di lokasi strategik.

Semua satu bilion unit dana berharga tetap itu habis dilanggan dalam tempoh tiga bulan selepas pelancarannya.

